

Adib: Semua mesti kerja keras kejar kemajuan

MELAKA, Khamis — Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam dalam perutusan tahun barunya esok, mahu setiap kakitangan Kerajaan, pihak swasta dan rakyat jelata menanam semangat bekerja keras dan meningkatkan pencapaian mereka.

"Ini adalah sesuai dengan harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa rakyat Malaysia mesti bekerja keras jika kita mahu menjadi rakyat yang maju dan berjaya," kata beliau.

Encik Mohd Adib menegaskan sebagai Ketua Menteri, semestinya beliau ingin melihat segala rancangan pembangunan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan licin dan mencapai matlamatnya.

"Untuk ini, setiap anggota masyarakat terutama anggota jentera Kerajaan hendaklah meningkatkan usaha-usaha mereka bagi menentukan pencapaian yang tinggi," katanya.

Beliau mengingatkan tahun 1982 adalah tahun kedua dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan semua yang terlibat dalam menentukan kejayaan rancangan ini, hendaklah memastikan agar matlamatnya dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Azam

Encik Mohd Adib menegaskan azam untuk mencapai sesuatu tahap kejayaan atau kemajuan yang tinggi beserta dengan semangat yang tinggi dan keghairahan menyambut tahun baru ini memang suatu tradisi di kalangan kita.

Tetapi, beliau menyatakan, sejauh mana kita mengekalkan azam dan semangat itu serta mendisiplinkan diri kita untuk melaksanakan dan menepati kejayaan diri kita sendiri.

Encik Mohd Adib berkata dalam keghairahan kita mengejar kemajuan dan pembangunan fizikal ini, kita perlu ingat akan semangat perpaduan yang merupakan satu ikatan lubuh yang mengekalkan segala kemajuan dan kemakmuran yang dicapai selakal ini.

Keghairahan untuk mencapai kemajuan lebih pesat hendaklah juga diimbangi dengan keghairahan untuk terus memupuk dan meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat, katanya.

Beliau menyatakan rakyat dan para pemimpin perlu sentiasa ingat bahawa asas-asas perpaduan ini adalah kunci kepada segala kemakmuran yang kita nikmati selama ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia